

## SYARAT-SYARAT LESEN HIBURAN

### PERATURAN-PERATURAN MENGENAI TEMPAT PERMAINAN BILLIARD/SNOOKER/POOLTABLE

- 1 Pemegang Lesen hendaklah membayar wang deposit secara tunai sebanyak RM 500.00 bagi satu meja permainan Billiard/Snooker. Wang deposit ini akan menjadi hasil kerajaan dan lesen dibatalkan jika Pemegang Lesen Snooker/Billiard/Pooltable melanggar syarat-syarat lesen yang dikenakan sebagaimana berikut :-
  - 1.1 Pemegang Lesen hendaklah mengadakan kemudahan-kemudahan untuk mencegah dan mengawal kebakaran dan premis hendaklah mendapat kelulusan oleh pihak Jabatan Bomba.
  - 1.2 Kebersihan bilik permainan hendaklah dijaga dan sesuai dari segi kesihatan.
  - 1.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa ketenteraman awam di dalam premis terjamin.
  - 1.4 Pengawal keselamatan terdiri daripada Pengawal-Pengawal Keselamatan daripada firma-firma yang berdaftar dengan kerajaan hendaklah diadakan untuk menentukan para pengunjung mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.
  - 1.5 Adalah tanggungjawab pihak penguasa melaporkan dengan serta merta ke Balai Polis berhampiran jika ada berlaku kematian di dalam premis atau sebarang gangguan.
  - 1.6 Pihak Penguasa hendaklah menentukan mereka yang masuk bermain Billiard/Snooker/Pooltable berpakaian kemas dan sopan.
  - 1.7 Hanya mereka yang berumur 18 tahun ke atas sahaja dibenarkan masuk ke dalam premis untuk permainan Billiard/Snooker/Pooltable. Papan pemberitahu mengenai hal ini hendaklah diadakan di hadapan pintu masuk.
  - 1.8 Tidak dibenarkan menjual, membawa masuk sama sekali atau meminum minuman keras di dalam premis.
  - 1.9 Tidak dibenarkan mengedar pil-pil khayal/estascy dan sebarang jenis dadah.
  - 1.10 Tidak dibenarkan sama sekali diadakan sebarang perjudian di dalam permainan Billiard/Snooker.
  - 1.11 Pihak berkuasa hendaklah menyediakan Buku Pendaftaran pengunjung dan hendaklah menentukan mereka yang masuk untuk bermain Billiard/Snooker mendaftar diri dengan mencatatkan :-
    - 1.11.1 Nama :
    - 1.11.2 No. Kad Pengenalan :
    - 1.11.3 Alamat :
    - 1.11.4 Pekerjaan :
    - 1.11.5 Tandatangan :
  - 1.12 Pihak Pengusaha hendaklah mengemukakan Buku Pendaftaran pengunjung kepada Pegawai Daerah Batu Pahat setiap tiga(3) bulan sekali untuk semakan dan lain-lain.

## **SYARAT LESEN PANGGUNG WAYANG (PAWAGAM)**

1. Pelesen hendaklah menyediakan tong sampah dan juga karung plastik.
2. Pelesen dilarang sama sekali menyewakan lesennya kepada orang lain.
3. Lesen hendaklah sentiasa dipamirkan ditempat perniagaan.
4. Pelesen dan pembantu-pembantunya dilarang membuang sampah dimerata-rata tempat.
5. Pelesen dikehendaki mengadakan kotak pertolongan cemas yang dilengkapi dengan ubatan yang perlu.
6. Pelesen dan pembantu-pembantunya hendaklah disahkan sihat oleh Pegawai Kesihatan Daerah setempat
7. Pelesen dan pembantu-pembantunya hendaklah berpakaian kemas semasa menjalankan perniagaan
8. Tandas dan bilik air hendaklah sentiasa bersih dan berkeadaan baik
9. Dilarang sama sekali menyimpan dan menternak binatang seperti anjing, kucing, ayam, itik dan sebagainya.
10. Pelesen hendaklah menyediakan secukupnya alat pemadam api yang diakui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah.
11. Pelesen tidak dibenarkan menjual, membawa masuk sama sekali atau meminum minuman keras didalam premis
12. Barang-barang jualan tidak dibenarkan diletakkan di atas kaki lima dan di tepi jalanraya.
13. Bangunan kedai hendaklah dicat atau dikapur di bahagian luar dan dalam.
14. Iklan-iklan dan sepanduk-sepanduk yang dipasangkan hendaklah mempunyai lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan Berkenaan.
15. Pelesen hendaklah menjaga ketenteraman tempat hiburan dari masa ke masa sehingga tidak menyebabkan kekacauan dan gangguan kepada orang ramai.
16. Pelesen hendaklah membenarkan mana-mana Pegawai yang berkuasa untuk menjalankan pemeriksaan ke tempat hiburan ini.
17. Pelesen hendaklah melaporkan kepada pihak polis jika terjadi sesuatu kejadian yang tidak diingini berlaku di tempat hiburan ini.
18. Bilangan tempat duduk hendaklah tidak kurang daripada 80 dan tidak melebihi had maksima kapasiti tempat duduk.
19. Filem yang akan ditayangkan hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak FINAS dan Lembaga Lesen Penapis Filem.
20. Pelesen hendaklah mematuhi syarat-syarat lain yang akan dikenakan oleh Pejabat Daerah juga jabatan-jabatan lain yang berkenaan dari masa ke masa.
21. Lesen ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Berkuasa dengan tiada apa-apa bayaran ganti rugi jika Pelesen melanggar salah satu syarat-syarat diatas dan juga akan kehilangan Wang Amanah.

## **SYARAT-SYARAT LESEN HIBURAN BOWLING**

1. Pemegang Lesen hendaklah mempunyai perlindungan Insuran permainan
2. Pemegang Lesen hendaklah bertanggungjawab ke atas keelamatan pengunjung-pengunjung.
3. Pengunjung mestilah berumur **18 tahun ke atas** dan kanak-kanak yang berpakaian sekolah tidak dibenarkan masuk. Bagi Pengunjung 18 tahun kebawah mestilah ditemani oleh keluarga.
4. Pemegang Lesen hendaklah menyediakan peralatan keselamatan dan kecemasan seperti alat pencegah dan mengawal kebakaran yang telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat. Selain dari itu peti 'First Aid Kit' hendaklah diadakan.
5. Pekerja-pekerja hendaklah terdiri daripada rakyat Malaysia dan pengambilan pekerja Bumiputera adalah diwajibkan. Senarai nama-nama pekerja hendaklah dihantar ke Pejabat ini untuk direkod dan disimpan. Pekerja-pekerja yang mengendali mesin hendaklah mahir dalam mengendalikan mesin tersebut.
6. Kebersihan tempat permainan hendaklah dijaga dan sesuai dari segi kesihatan.
7. Pemegang Lesen hendaklah memastikan bahawa ketenteraman awam di dalam premis terjamin.
8. Tidak dibenarkan sama sekali diadakan sebarang perjudian di dalam premis tersebut.
9. Lesen hendaklah dipamerkan di premis berkenaan setiap masa.
10. Pemegang Lesen hendaklah membenarkan Pegawai Pengeluar Lesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengeluar Lesen untuk memasuki premis pada bila-bila masa untuk tujuan pemeriksaan bagi menentukan syarat-syarat yang dikenakan dipatuhi.
11. Waktu berniaga ialah dari jam **10.00 pagi hingga 12.00 malam.**
12. Pemegang Lesen ini tidak boleh menjual, memindahmilik, mewakili kuasa atau sebagainya kepada pihak lain akan tanggungjawabnya terhadap syarat-syarat yang ditetapkan dalam lesen tersebut. Pemegang Lesen adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perjalanan perniagaan/perusahaan hiburan yang dilesenkan itu.
13. Premis tidak boleh berpindah tempat kecuali dengan kebenaran pihak pengeluar lesen.
14. Pembaharuan lesen hendaklah dibuat dalam tempoh 21 hari sebelum tarikh lesen tamat pada **30 Jun atau 31 Disember.**
15. Pelesen hendaklah memastikan bunyi bising daripada mesin hiburan adalah pada peringkat minimum dan tidak menimbulkan kacau ganggu. Pintu premis hendaklah sentiasa ditutup untuk mengelakkan bunyi bising ke premis berdekatan.
16. Ruang tangan, lorong atau pintu masuk/keluar hendaklah sentiasa bebas daripada sebarang halangan.
17. Pelesen tidak dibenarkan menjual minuman keras atau sebarang minuman yang memabukkan dan minum minuman keras di dalam sesuatu premis hiburan yang disebut di atas.
18. Premis hiburan hendaklah dipasang dengan lampu yang terang.
19. Notis/Papan Kenyataan perlu disediakan bagi menerangkan perkara-perkara seperti berikut :-
  - 19.1 **Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan masuk.**
  - 19.2 **Kanak-kanak berpakaian seragam sekolah tidak dibenarkan masuk.**
20. Pegawai Pengeluar Lesen boleh menambah syarat-syarat lain jika perlu dari masa ke masa dengan memberitahu secara lisan atau bertulis kepada pemegang lesen/pengusaha permainan yang tersebut di atas.

## **SYARAT-SYARAT LESEN PUSAT HIBURAN KELUARGA**

### 1. PUSAT HIBURAN KELUARGA

- 1.1 Pusat Hiburan Keluarga (PHK), adalah salah satu cabang hiburan untuk berhibur secara individu ataupun bersama keluarga di tempat tertentu yang dibenarkan oleh pihak berkuasa. Jenis hiburan yang dibenarkan di PHK adalah yang sihat, beroperasi dalam suasana bersih, selamat dan mencerikan. Persekitaran PHK dihias dengan menarik, terang, berwarna-warni, tidak tertutup dan bercermin gelap.
- 1.2 PHK hanya dibenarkan di kompleks membeli-belah, hotel (bertaraf empat bintang ke atas) dan tempat peranginan(resort).

### 2. PENGURUSAN PUSAT HIBURAN KELUARGA

- 2.1 Pengurusan PHK hendaklah diurus dengan cara profesional oleh pengurus yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.
- 2.2 Pekerja-pekerja bawahan di PHK ini hendaklah terdiri dari mereka yang terlatih, berupaya memberi kualiti perkhidmatan yang baik, serta sentiasa mengutamakan keselamatan premis dan pengunjung.
- 2.3 Pekerja hendaklah mempunyai sikap yang baik, bersopan santun dan berbudi bahasa.
- 2.4 Berpakaian seragam yang kemas dan kelihatan menarik.
- 2.5 Pekerja rakyat asing tidak dibenarkan bekerja di PHK.

### 3. PREMIS BAGI PUSAT HIBURAN KELUARGA

- 3.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan-keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan pemasangan pencahayaan, elektrik, gantian-udara dan mekanikal adalah mengikut undang-undang yang berhubungannya.
- 3.2 Ruang premis hendaklah selesa dan terbuka, tidak berdingin dan bercermin gelap.
- 3.3 Peralatan permainan hendaklah disusun rapi di ruang terbuka PHK.
- 3.4 Keadaan dalam dan persekitaran premis hendaklah sentiasa bersih.
- 3.5 Bunyi bising mesin permainan hendaklah di peringkat minimum dan tidak menimbulkan kecau ganggu.
- 3.6 Premis hendaklah dipasang lampu yang terang.
- 3.7 Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan, dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak di tutup pada setiap masa semasa waktu pengendalian.
- 3.8 Lesen dan permit hendaklah dipamerkan setiap masa di tempat yang mudah di lihat.

### 4. JENIS-JENIS MESIN PERMAINAN YANG DIBENARKAN

- 4.1 Peralatan/kelengkapan permainan kanak-kanak seperti kiddy rides dan carnival/novelty game serta simulasi (simulators) yang tidak mudah diubah suai untuk tujuan perjudian adalah merupakan jenis-jenis mesin permainan berbentuk hiburan yang dibenarkan di PHK. Jenis permainan hendaklah berbentuk hiburan yang sesuai untuk keluarga dan mesin-mesin permainan adalah seperti berikut :-

- (A) Children Playground Area
  - Playport
  - Pirate Slide
  - Bouncing Dino
  - Master Slide
  - Children Playland
  - Mini F1 Racing
  - Giant Slide
  - Playland

(B) Kiddy Ride

- Castle Fantastic
- See Saw Ride
- Hamburger Bus
- Helicopter
- Piku Piku air plane
- Waku Waku Police car
- Redbaron
- Merry Elephant
- Waku Waku Train
- Horsecar

(C) Permainan "Carnival/Novelty Game"

- Boom Ball
- Big Mouth
- Ball Throwing Game
- Ball Tossing Game
- Super Shot Basketball
- Full court Fever
- Wani Wani Panic
- Sauros Canon
- Striker
- Dkee Ball

(D) Simulasi (Simulators)

- Daytona USA 2
- Rall Chase
- Stadium Cross
- Manx TT
- Power Drift
- After Burner
- Space Harrier
- Virtua Racing DX
- Megalo 50
- Virtual city 38

- 4.2 Selain dari yang terdapat dalam senarai, Pihak berkuasa Pelesen mempunyai hak untuk menentukan lain-lain jenis mesin permainan yang memenuhi ciri-ciri yang tersebut di para 4.1 di atas.
- 4.3 Peralatan/Mesin permainan perlu menggunakan skrin besar dan boleh dilihat (38"15") skrin adalah tegak (up right).
- 4.4 nama permainan/program dan nombor siri hendaklah dicatatkan ke atas tiap-tiap mesin untuk rujukan.
- 4.5 Bilangan mesin dan kelulusan premis perlu disertakan semasa membuat permohonan lesen.
- 4.6 Mesin permainan hendaklah berkeadaan baik dan selamat digunakan serta mendapat kelulusan daripada Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Jentera.

## 5. JENIS-JENIS PERMAINAN/MESIN YANG DILARANG

- 5.1 Permainan-permainan lain seperti operasi Pular Siber, Snooker dan Billiard adalah dilarang.
- 5.2 Mesin permainan berkabinet kayu yang mudah diubahsuai dan mempunyai skrin 29" ke bawah tidak dibenarkan.
- 5.3 Mesin permainan yang berunsur judi, pornografi dan ganas tidak dibenarkan.

## 6. SYARAT AM

- 6.1 Pelajar berpakaian seragam sekolah tidak dibenarkan.
- 6.2 Pelajar di bawah umur 18 tahun boleh bermain dengan syarat ianya hendaklah dengan pengawasan ibu bapa/penjaga
- 6.3 Pelesen hendaklah mendaftar nama kanak-kanak yang berumur kurang 18 tahun yang bermain di premis masing-masing.
- 6.4 Pemegang lesen hendaklah mempamirkan suatu notis, sekurang-kurangnya dalam dua (2) bahasa yang mengandungi maklumat yang dinyalakan dalam perenggan 6.1, 6.2 dan 6.3 dipintu masuk PHK. Bahasa Kebangsaan adalah wajib dan satu bahasa lain.
- 6.5 Tidak dibenarkan merokok, minuman keras dan menggunakan pil-pil khayal.

## 7. MASA OPERASI

- 7.1 Masa beroperasi PHK yang dibenarkan ialah mulai jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam atau tempoh waktu yang ditetapkan dalam lesen.

## 8. JENIS LESEN YANG DIKELUARKAN


- 8.1 Lesen yang dikeluarkan hendaklah berdasarkan kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan oleh undang-undang.
- 8.2 Pihak berkuasa Pelesenan akan mengenakan syarat seperti diperuntukkan undang-undang.
- 8.3 Pelesen dikehendaki membayar sejumlah wang cagaran kepada Pegawai Pelesen mengikut kadar yang ditentukan di dalam kaedah/peraturan yang terpakai pada masa itu.

## SYARAT-SYARAT LESEN HIBURAN TARI MENARI/ MUZIK/LIVE BAND/KARAOKE

### 1. A. Tempat/Bangunan

- 1.1 Papan Tanda/Iklan/Poster hendaklah mengikut peraturan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- 1.2 Alat Pemadam Api hendaklah mengikut syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba.
- 1.3 Lampu dalam bangunan hendaklah dipasang dengan terang supaya mudah mengenal di antara satu dengan yang lain (easily identifiable). Penggunaan lampu-lampu picit (torch light) adalah dilarang.
- 1.4 Lengkapkan dengan tanda arah pintu keluar/masuk dan kecemasan.
- 1.5 Perabut dan peralatan-peralatan lain yang di tempatkan dalam premis tidak menghalang laluan ke pintu keluar dan pintu kecemasan. Kerusi yang tinggi melebihi bahu tidak dibenarkan (sila kemukakan contoh gambar kerusi dan meja berkenaan). Satu salinan susunatur kerusi, meja, kedudukan pentas, kaunter baru dan pintu keluar masuk hendaklah dikemukakan ke Pejabat Daerah Batu Pahat
- 1.6 Pelesen hendaklah mempamerkan dengan jelas pintu masuk utama dan di dalam premis satu notis pemberitahu berkaitan dengan perkara berikut :-


1/2 meter



1/4 meter

- 1.7 Pelesen adalah dilarang menjual liquor kepada orang-orang Islam. Pelesen hendaklah memaparkan dipintu masuk dan didalam premis papan pemberitahu memaparkan di pintu masuk dan di dalam premis papan pemberitahu ditempat yang boleh dilihat oleh orang awam dengan perkataan " Dilarang menjual liquor kepada orang-orang Islam". Ukuran saiznya ialah 1/2 meter x 1/4 meter seperti di bawah :-

1/2 meter



1/4 meter

- 1.8 Sekiranya pelesen menjual liquor kepada orang-orang Islam dan dibuktikan di Mahkamah Syariah di bawah Enakmen No.4 tahun 1997 - Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 kerana meminum liquor yang dijual oleh pelesen, maka Lembaga Pelesen Daerah akan membatalkan Lesen Rumah Awam dan pelesen tidak dibenarkan memohon lesen Rumah Awam lagi.

1.9 Perniagaan hendaklah tamat pada jam 12.00 tengah malam melainkan mendapat kelulusan lanjutan masa daripada Pengerusi Lembaga Pelesenan Daerah Johor Bahru

2. B. **Pekerja/Pelayan**

2.1 Semua pekerja/pelayan yang bekerja di dalam premis/bangunan hendaklah berumur 21 tahun keatas dan terdiri dari warganegara Malaysia.

**Pekerja yang bukan warganegara hendaklah mempunyai dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah.**

2.2 Semua pekerja hendaklah diperiksa dan diakui 'Medically Fit' oleh Pegawai Kesihatan.

2.3 Pakaian pekerja hendaklah sesuai dan seragam (uniform).

2.4 Pekerja hendaklah sentiasa berbudi bahasa.

3. C. **Artis/Pemuzik**

3.1 Artis/Penyanyi dan pemuzik yang bukan warganegara hendaklah mempunyai dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah (Professional Visit Pass to Perform as on Artist) dari Jabatan Imigresen.

3.2 Nama-nama dan gambar (photo) artis/penyanyi dan pemuzik yang membuat persembahan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Daerah Batu Pahat sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum persembahan diadakan.

3.3 Sekiranya muzik berbentuk "life" dimainkan artis dan pemuzik hendaklah berpakaian kemas dan berkelakuan baik.

4. D. **Persembahan**

4.1 Persembahan dari artis-artis luar negara dan pertunjukan pentas (floor show) hendaklah mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (JK-PUSPAL).

4.2 Senikata lagu yang dimainkan/dipersembahkan tidak berunsur lucah dan menyentuh politik.

4.3 Persembahan tari menari tidak berunsur lucah/bogel.

4.4 Semasa muzik dimainkan samada berupa kaset/CD/VCD, tayangan video (karaoke), 'one man show', pelesen hendaklah memastikan bunyi tidak terlalu bising hingga mengganggu ketenteraman orang awam di luar premis dan kawasan sekelilingnya.

4.5 Persembahan tari menari hendaklah tamat pada jam 12.00 tengah malam kecuali mendapat kelulusan lanjutan masa daripada Pengerusi Lembaga Pelesenan Daerah Batu Pahat.

5. E. **Lesen**

5.1 Pelesen-pelesen tempat hiburan hendaklah mendapatkan lesen-lesen yang sah dan mesti dipamirkan dalam premis yang dilesenkan.

5.2 Pelesen hendaklah sentiasa mempamirkan lesen-lesen berikut yang mana berkenaan :-

5.2.1 Lesen Premis Perniagaan;

5.2.2 Lesen Rumah Awam;

5.2.3 Lesen Muzik/Live Band/Karaoke;

5.2.4 Lesen Tari Menari;

5.2.5 Lesen Lanjutan Lesen Rumah Awam / Lesen Hiburan



6. F. **Am**

6.1 Pelesen adalah bertanggungjawab melaporkan kepada pihak Polis dengan serta merta jika mengetahui sesuatu kejadian buruk, pergaduhan, perkara-perkara jenayah atau pun ada kegiatan pengedaran/penggunaan semua jenis dadah dan pil-pil yang mengkhayalkan di dalam premis.

7. G. **Syarat Tambahan**

7.1 Tuan/puan adalah dinasihatkan supaya tidak melanggar mana-mana syarat lesen yang telah ditetapkan. Kegagalan tuan mematuhi syarat-syarat lesen tersebut boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan dan serbuan dibuat terhadap premis tuan/puan dan mengikut undang-undang di bawah Seksyen 16(1) Enakmen Hiburan & tempat-tempat Hiburan 1998 pegawai pelesen boleh membatalkan lesen serta merampas Wang Amanah.

7.2 Tuan/puan juga adalah tertakluk kepada semua peraturan dan syarat-syarat di bawah enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1998 termasuk pindaannya yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.